

**Padankan Teknik Plot dengan peristiwa yang betul.**

Teknik dialog

Teknik monolog

Teknik kejutan

Teknik imbas muka

Teknik saspens

Teknik pemerian

Teknik konflik

Teknik imbas kembali

1.  → Dialog antara Lili dan Kak Hamimah agar membantu menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang dialaminya oleh Che Jah sewaktu Kak Hamimah datang berubat dengan datuk.
2.  → Pengarang memerihalkan sikap Seman iaitu suami Che Jah yang suka berjudi, pemabuk, suka berhutang dan melakukan keganasan rumah tangga terhadap isteri dan anak-anaknya.
3.  → Datuk bermonolog tentang nasib perubatan tradisional yang sekian lama dipelopornya di kampung itu.
4.  → Datuk mengimbas kembali akan kesilapannya sewaktu mendidik ibu Lili yang tidak menekankan didikan agama yang sempurna sehingga ibu Lili lebih cenderung mempelajari ilmu silat.
5.  → Kehilangan kubah masjid menjadi tanda tanya kepada pembaca. Pembaca tertanya-tanya cara kehilangannya dan orang yang melarikan kubah tersebut. Mereka menyangka Rafiq dan Haziq yang melakukannya kerana mereka bersikap negatif.
6.  → Lili takut dan bimbang jika orang kampung terlalu marah terhadap Haziq dan Rafiq, dua beradik itu akan mati dipukul atau dibunuh oleh bapanya sendiri.
7.  → Datuk terkesan dengan sindirin nenek yang lebih mengutamakan perubatan tradisional berbanding perubatan moden sehingga timbul hasrat untuk tidak mahu lagi mencari akar-akar kayu di hutan.
8.  → Pemuda Cina menyapa dan melemparkan senyuman kepada Lili di perhentian bas, Pekan Sentosa. Rupa-rupanya pemuda itu ingin memulangkan buku Lili yang tercicir semasa turun dari bas dengan tergesa-gesa.